

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 2 July 2015 |

Doa Najib untuk mangsa nahas Hercules Indonesia

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam, menzahirkan doa beliau kepada keluarga penumpang dan kru pesawat Hercules C-130 milik Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara (TNI AU) yang terhempas di Medan, Indonesia, kelmarin.

"Harapan dan doa saya ialah bersama keluarga & rakan-rakan penumpang dan kru pesawat C-130 Indonesia yang terhempas di Medan semalam (kelmarin)," katanya dalam ca-

tatan menerusi laman Twitter beliau, malam tadi.

Pesawat Hercules yang membawa 122 penumpang termasuk 12 kru, terhempas di Jalan Letjen Jamin Ginting, Padang Bulan, Medan, Sumatera Utara.

Semua penumpang dan kru dilaporkan terkorban dan berpuluh-puluh orang awam juga dijumpai terkorban di bawah runtuhan dan bangkai pesawat itu.

Setakat ini, 142 mayat di-

BH-2/7/2015
jumpai, manakala operasi mencari dan menyelamatkan diteruskan.

Pesawat buatan 1964 itu terhempas pada jam 11.48 pagi waktu tempatan, dua minit setelah berlepas dari Pangkalan Angkatan Udara Soewondo, di Medan, dengan merempuh deretan rumah kedai, pusat spa dan sebuah pusat rawatan tradisional.

Tiada rakyat kita terbabit
Sementara itu, Konsulat Je-

neral Malaysia di Medan berkata tiada rakyat Malaysia terbabit dalam tragedi ini sehingga kini. Kementerian Luar, melalui Konsulat Jeneral di Medan, terus memantau situasi ini.

Untuk pertanyaan lanjut, orang awam boleh menghubungi Konsulat Jeneral Malaysia di Medan talian 00 62 81260360008 dan Pegawai Bertugas Kementerian Luar Negeri di talian 03-88874570 03-88874770. **BERNAMA**